

**TEKS UCAPAN  
YDH INSPEKTOR JENERAL  
TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR  
KETUA POLIS NEGARA  
SEMPENA MALAM ANUGERAH SUKAN  
PDRM 2015**

**PADA : 20 APRIL 2016 (RABU)**  
**MASA : 8.00 MALAM**  
**TEMPAT : DEWAN BANKUET**  
**PULAPOL KUALA LUMPUR**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Assalamualaikum warahmatullahi**

**Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Pasukan.**

Yang Berusaha

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

Deputi Inspektor Jeneral

Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim

Tmbalan Ketua Polis Negara

Yang Dihormati

Komisioner Polis

Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah

Pengarah Pengurusan merangkap

Pengerusi Majlis Sukan PDRM

Yang Dihormati Dato' Seri-Dato' Seri dan Dato'-Dato' Pengarah PDRM

Yang Berbahagia  
Encik Ahmad Faedzal bin Mat Ramli  
Setiausaha Kehormat  
Majlis Kebajikan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) Malaysia

Yang Dihormati Pesuruhjaya-pesuruhjaya Polis dan Ketua-ketua Polis Negeri, Komander-komander Bridged, Komandan-komandan PULAPOL, Ahli-Ahli Panel Jawatankuasa Pemilihan Malam Anugerah Sukan PDRM 2015 dari Majlis Sukan Negara, Ahli-ahli Persatuan Penulis Sukan Malaysia (SAM), Ahli-ahli Majlis Sukan PDRM, pegawai-pegawai kanan, para pengelola sukan, para atlet PDRM, wakil-wakil media, tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya, kita semua dapat berhimpun sempena berlangsungnya **Majlis Malam Anugerah Sukan PDRM 2015** pada malam yang berbahagia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalukan-alukan kehadiran para tetamu serta dif-dif jemputan daripada pihak MAKSAK dan Majlis Sukan Negara yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis penganugerahan pada malam ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada **Dato' Sri Zulkifli bin Abdullah** dan barisan jawatankuasa pengajur di atas kejayaan menganjurkan majlis pada malam ini.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

*Burung undan burung tempua,  
Hinggap berehat di pohon kayu;  
Sukan amalan untuk semua,  
Warga sihat negara maju.*

Malam Anugerah Sukan Polis Diraja Malaysia ini merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan pasukan kepada para atlet, pengelola serta pengurus sukan atas kejayaan, komitmen dan khidmat bakti yang diberikan sepanjang tahun 2015 bagi menaikkan nama PDRM dalam arena sukan negara. Semoga pengiktirafan ini akan menjadi obor pembakar semangat kepada penggiat sukan PDRM untuk terus aktif di dalam memberi sumbangan terhadap kemajuan sukan PDRM khususnya, dan negara amnya.

Sesunguhnya pucuk pimpinan pasukan sentiasa prihatin terhadap pembangunan sukan PDRM. Antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan kepada para atlet kita untuk menggalakkan lagi penglibatan dan pencapaian mereka dalam sukan yang diceburi.

Kita sedar bahawa pencapaian cemerlang tersebut tidak boleh dicapai semata-mata hanya dengan memiliki atlet atau pemain berbakat, jurulatih berpengalaman serta kemudahan yang sempurna. Malah kecemerlangan tersebut perlu melibatkan penyatuan perancangan, dasar dan strategi pelaksanaan yang mantap, sekaligus menjadi panduan komprehensif ke arah membangunkan kecemerlangan sukan seiring dengan pembangunan dan kemajuan sukan tanah air.

**Hadirin sekalian,**

Alhamdulillah, beberapa kejayaan telah diraih sepanjang tahun 2015 dalam pelbagai acara sukan yang dipertandingkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ingin saya ucapan syabas serta tahniah kepada **Lans Koperal Sokongan Mohd Fauzan bin Ahmad Lutfi** dan **Konstable Nurulshuhada binti Zainal** yang memenangi **pingat emas dan gangsa** dalam acara berbasikal di **Kejohanan Sukan Sea 2015 di Singapura**.

Turut tidak ketinggalan juga dalam acara berpasukan, di mana PDRM berjaya membawa pulang **32 pingat emas, 25 perak dan 17 gangsa** dalam **Kejohanan World**

**Police and Fire Games** di Amerika Syarikat tahun lepas. Kejayaan ini amat membanggakan di mana PDRM berada di **kedudukan ke-12 daripada 62 negara** yang menyertainya.

PDRM juga menyerlah dalam sukan Boling Padang, di mana atlet kita **Lans Koperal Emma Firyana Saroji** telah memenangi **pingat emas** di dalam **Kejohanan Champion of The Champion Gold Cost Australia**. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh para atlet kita membuktikan bahawa PDRM mampu melahirkan ahli sukan yang berkualiti dan berdisiplin.

Tidak kurang hebatnya **pasukan hoki** kita, yang buat pertama kali **memenangi Piala Tun Abdul Razak** edisi ke-53 tahun ini, sekaligus melayakkan diri untuk bersaing di **Liga Divisyen 1** pada tahun ini. Saya turut berbangga dengan pencapaian **pasukan bola sepak PDRM** atau lebih dikenali dengan **The Cops** yang berjaya mengharungi cabaran di dalam Liga Super dan sentiasa memberi tentangan yang sengit kepada pihak lawan.

Selain cemerlang di dalam acara sukan, PDRM turut memiliki **tenaga pakar pegawai teknikal** dalam mengendalikan kejohanan, yang bukan sahaja diiktiraf di peringkat kebangsaan malah turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Antaranya **Sarjan Mejari Nor Piza binti Hassan** yang menerima **Anugerah Wisel Emas** kerana pencapaian beliau mengadili sebanyak **100 perlawanan hoki antarabangsa** dan **Lans Koperal Mohd Amirul Izwan binti Yaacob** yang menerima anugerah Pengadil Terbaik ASEAN dalam majlis **Anugerah Asean Football (AFF) Night 2015**.

**Para hadirin yang dimuliakan,**

Dalam ghairah mencari kemenangan, para atlet diingatkan supaya sentiasa menjauhi perkara-perkara yang boleh memudaratkan diri sendiri mahupun pasukan secara langsung ataupun tidak langsung. Terapkanlah integriti dan semangat kesukunan di

dalam sanubari masing-masing, agar kejayaan yang diperoleh lebih bermakna kepada diri sendiri, keluarga dan pasukan, insyaAllah.

**Akhir kata**, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada mereka yang telah menempa nama di arena sukan tanah air dan para pemenang yang telah dipilih pada malam ini. Tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada malam ini.

*Harum sungguh bunga kemboja,  
Bertambah cantik diterangi lilin;  
Sukan membentuk semangat waja,  
Sentiasa ceria cergas berdisiplin.*

**Majulah sukan, demi pasukan dan negara!**

**Sekian, wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.**